

BH MS 4 9/2/2013

Kakitangan kontrak berpeluang diserap

Putrajaya: Kakitangan kontrak yang berkhidmat dengan kerajaan akan diserap ke jawatan tetap jika jawatan disandang sesuai dengan skop perkhidmatan dan ada kekosongan.

Kajian mengenainya sedang dilakukan tiga jawatankuasa khas yang ditubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam, berkata tiga jawatankuasa khas akan mengkaji skop, skim dan kekosongan bagi memastikan mereka yang layak serta me-

enuhi syarat diserap sebagai kakitangan tetap.

"Ia bergantung kepada keadaan jawatan... jawatan itu ada atau tidak (di jabatan berkenaan), kalau jawatan itu te-

FAKTA NOMBOR

50,000

anggaran kakitangan awam kontrak berkhidmat di pelbagai kementerian

tap, dia boleh dilantik sebagai kakitangan tetap, tetapi jika jawatan itu memang jawatan kontrak dan tiada dalam jabatan, ini yang menjadi masalah.

"SPA bagaimanapun akan berbincang dengan JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) serta kementerian terbabit dan kita akan bantu atasi masalah ini," katanya selepas berdialog dengan sebahagian daripada 17,213 kakitangan kontrak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di sini, semalam.

Gesaan CUEPACS

Sebelum ini, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman, menggesa penjawat awam berstatus kontrak diserap ke jawatan tetap.

Difahamkan, ketika ini ada kira-kira 50,000 kakitangan awam kontrak berkhidmat di pelbagai kementerian di seluruh negara.

Berprestasi baik

Mahmood berkata, kebanyakan kakitangan kontrak yang dilanjutkan dan disambung tempoh kontrak mereka adalah pegawai berprestasi baik, bagaimanapun dari segi lantikan ke jawatan tetap, ada perkara perlu diteliti terlebih dulu.

"Sama ada diserap sebagai kakitangan tetap atau tidak, banyak bergantung kepada ruang lingkup perkhidmatan ditawarkan skim yang mereka terima, jenis perkhidmatan, jawatan untuk kepakaran atau mengikut skim kakitangan awam sedia ada atau sebaliknya," katanya.